

05/03/1997

Tambah Melayu kelas menengah

KUALA LUMPUR, Selasa - Umno mendesak kerajaan negeri mengambil tindakan mewujudkan lebih ramai Bumiputera kelas menengah dengan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dan latihan dalam bidang pengurusan serta francais.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini Umno tidak berpuas hati kerana bilangan Bumiputera kelas itu masih rendah dan tidak seimbang berbanding kaum lain.

"Kita dapati Bumiputera sukar membeli rumah kos sederhana kerana sebagai pekerja mereka bergantung kepada gaji tetap.

"Oleh itu, kita mahu mewujudkan segolongan Bumiputera yang terbabit dalam kegiatan ekonomi di peringkat atasan dan menengah supaya mereka dapat mengimbangi kaum lain," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti itu di sini, malam ini.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, Umno turut membincangkan secara mendalam masalah sosial dan mencadangkan pihak terbabit membuat kajian berhubung punca serta langkah mengatasinya.

(END)